

Apa motif ASLI?

Oleh TOREK SULONG

BACHOK 7 Okt. - Hasil kajian Institut Kajian Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) yang mendakwa bumiputera menguasai 45 peratus ekonomi berkemungkinan mempunyai motif terselindung sehingga enggan menerima hakikat pencapaian sebenar golongan itu masih pada tahap 18 peratus.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, mereka yang terlibat dengan kajian itu barangkali tidak senang dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperbaharui oleh kerajaan dengan menyasarkan pemilikan ekuiti bumiputera ke tahap 30 peratus.

Beliau berkata, sepatutnya semua pihak menerima hakikat statistik pencapaian orang Melayu yang dibuat oleh kerajaan kerana ia mengikut ukuran tepat, menyeluruh dan diterima pakai oleh pakar-pakar ekonomi peringkat antarabangsa.

Saya nampak ada kumpulan tidak senang dengan dasar kerajaan dalam usaha memastikan bumiputera mesti menguasai 30 peratus kekayaan negara
- Awang Adek Hussin

"Saya nampak ada kumpulan tidak senang dengan dasar kerajaan dalam usaha memastikan bumiputera mesti menguasai 30 peratus kekayaan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis terbuka di kediamannya di Kampung Perupuk, dekat di sini semalam.

Lebih 200 pemimpin masyarakat dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tawang menyertai majlis itu.

Awang Adek mengulas kajian ASLI bertajuk 'Pengagihan Ekuiti Korporat-Arah Aliran Lalu dan Polisi Masa Depan' yang mendakwa bumiputera sudah mencapai ekuiti ekonomi dalam negara sehingga 45 peratus melebihi sa-

saran 30 peratus ditetapkan DEB.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bachok berkata, kerajaan tetap bertegas melaksanakan DEB walaupun ia mengambil masa lebih lama untuk mengimbangi jurang pendapatan antara kaum di negara ini.

Menurutnya, jika kajian ASLI diterima pakai, ia boleh membantutkan usaha kerajaan melaksanakan pembahagian kekayaan negara berasaskan prinsip sama rata tanpa meminggirkan mana-mana kaum.

Selain itu, katanya, ia juga boleh mengagalkan matlamat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara contoh yang harmoni walaupun mempunyai rakyat berbilang kaum.